

12 JAN 2000

Abdullah-Segar

DEMOKRASI MASIH SEGAR DALAM UMNO, KATA PAK LAH

PUTRAJAYA, 12 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, amalan demokrasi masih segar dalam Umno dengan anggotanya bebas menyuarakan pendapat mereka mengenai apa juga perkara yang berkaitan dengan parti.

"Tidak ada sekatan kepada demokrasi yang diamalkan Umno dan anggotanya bebas untuk menyuarakan pendapat dan pendirian mengenai apa juga yang ada hubungkait dengan parti," katanya.

"Amalan demokrasi dalam Umno masih segar," katanya ketika mengulas semakin banyak badan perhubungan Umno negeri menyatakan pendirian mereka untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Abdullah sendiri sebagai timbalan presiden dalam pemilihan parti Mei ini.

Menurut beliau, pendirian sedemikian adalah keputusan anggota Umno.

"Itu keputusan mereka...saya sudah berkata, apa juga keputusan atau pandangan mereka, terserahlah kepada anggota Umno," kata naib presiden Umno itu yang kini menjalankan tugas timbalan presiden.

Majlis Tertinggi Umno dalam mesyuaratnya awal bulan ini mengesyorkan supaya kedua-dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan tetapi ada anggota parti meminta supaya jawatan Timbalan Presiden itu dipertandingkan.

Mengenai perjumpaan dan sesi kepimpinan untuk 100 pemimpin Umno yang turut dihadiri Dr Mahathir semalam, Abdullah berkata program seumpama itu akan diteruskan.

Jawatankuasa Pengurusan parti yang dipengerusikannya akan mengatur rancangan susulan, katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir mengambil kesempatan itu untuk memberikan pandangannya tentang pelbagai isu termasuk masalah dalaman parti dan cabaran yang bakal dihadapi Umno.

"Saya amat gembira kerana para peserta begitu bersemangat dan tetap setia kepada Umno dan perjuangannya," katanya.

Abdullah berkata Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno telah menyatakan hasrat mereka untuk melihat program serupa diadakan untuk anggota masing-masing.

-- BERNAMA

MAM PR